

PEMANTAUAN NAFKAH PASCAPERCERAIAN DI MALAYSIA: ANALISIS PERANAN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA DARI PERSPEKTIF FEKAH DAN UNDANG-UNDANG

**(Monitoring Post-Divorce Maintenance in Malaysia: An
Analysis of the Role of the Family Support Division from the
Perspective of Fiqh and Law)**

Mohd Hazwan Ismail¹

mhazwan@unishams.edu.my

Mohd Mirza Abdul Rashid²

mirza@esyariah.gov.my

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300
Kuala Ketil, Kedah, Malaysia.¹

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, 10450 Georgetown, Pulau
Pinang, Malaysia.²

Pengarang koresponden (Corresponding author):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Mohd Hazwan Ismail, &
Mohd Mirza Abdul Rashid. (2026). Pemantauan nafkah pascaperceraian
di Malaysia: Analisis peranan Bahagian Sokongan Keluarga dari
perspektif fekah dan undang-undang. *Kanun: Jurnal Undang-undang
Malaysia*, 38(1), 129–150. [https://doi.org/10.37052/kanun.38\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/kanun.38(2)no6)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: Received:	7/9/2025	Semakan: Revised	5/12/2025	Terima: Accepted:	12/1/2026	Terbit dalam talian: Published online	30/1/2026
-----------------------	----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	--	-----------

Abstrak

Isu kegagalan pembayaran nafkah pascaperceraian dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia masih menjadi cabaran besar walaupun undang-undang syariah memperuntukkan hak tersebut secara jelas. Kegagalan bekas suami untuk menunaikan tanggungjawab ini memberikan kesan langsung terhadap bekas isteri dan anak. Oleh itu, mahkamah

syariah melalui Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) memperkenalkan pelbagai mekanisme penguatkuasaan, termasuklah sistem e-Nafkah pada tahun 2023. Objektif kajian ini adalah untuk menilai pemantauan nafkah setelah diperintahkan oleh mahkamah melalui perbandingan antara fekah klasik dengan inovasi perundangan yang memanfaatkan penggunaan teknologi pada zaman ini. Kajian ini menggunakan pendekatan teori, iaitu kaedah kualitatif melalui analisis teks fekah klasik, statut undang-undang keluarga Islam, laporan BSK dan sokongan temu bual lapangan bersama-sama seorang pegawai mahkamah bagi menilai kesesuaian pendekatan moden ini dari perspektif fekah dan maqasid syariah. Hasil kajian menunjukkan bahawa fekah klasik menetapkan nafkah sebagai hak individu (*al-ḥaqq li al-ādami*) yang hanya boleh dituntut apabila terdapat aduan daripada pemiutang, sedangkan undang-undang di Malaysia menggunakan pendekatan yang lebih proaktif dengan pemantauan automatik. Walaupun terdapat perbezaan pendekatan, sistem moden ini masih dianggap selari dengan maqasid syariah kerana berupaya menjaga masalahat keluarga, melindungi kepentingan anak dan mengurangkan beban ibu tunggal. Kaedah fekah, iaitu *lā yunkar taghayyur al-aḥkām bi taghayyur al-azmān*, turut menjadi asas perubahan tersebut. Namun demikian, prinsip asas fekah tetap mengiktiraf bahawa nafkah dapat dilepaskan melalui ibrak apabila dipersetujui oleh pemiutang. Oleh itu, pelaksanaan e-Nafkah perlu seimbang antara kepentingan untuk menjaga kelangsungan hidup keluarga dengan penghormatan terhadap hak individu, sekali gus membuktikan bahawa undang-undang keluarga Islam berupaya untuk beradaptasi dengan tuntutan realiti kontemporari tanpa menyalahi prinsip syariah.

Kata kunci: Nafkah, Bahagian Sokongan Keluarga, e-Nafkah, fekah klasik, maqasid syariah, ibrak

Abstract

The issue of non-payment of post-divorce maintenance among the Muslim community in Malaysia remains a significant challenge, notwithstanding the clear recognition of such rights under Syariah law. The failure of former husbands to fulfil this obligation has direct implications on former wives and children. In response, the Syariah Courts, through the Family Support Division (Bahagian Sokongan Keluarga, BSK), have introduced various enforcement mechanisms, including the implementation of the e-Nafkah system in 2023. The objective of this study is to evaluate monitoring of maintenance following court orders by comparing classical fiqh principles with contemporary legal innovations that utilise technology. This study adopts a theoretical approach using

qualitative methods through an analysis of classical Fiqh sources, Islamic family law statutes, BSK reports, as well as supporting data from a field interview with a Syariah Court officer to assess the suitability of this modern approach from the perspectives of Fiqh and maqasid syariah. The findings indicate that classical Fiqh regards maintenance as an individual right (al-ḥaqq li al-ādami) that may only be enforced upon a complaint by the creditor; whereas Malaysian law adopts a more proactive approach through automatic monitoring mechanisms. Despite these differences, the modern system is considered consistent with maqasid syariah as it serves to safeguard family welfare, protect children, and reduce the burden on single mothers. The fiqh maxim lā yunkar taghayyur al-aḥkām bi taghayyur al-azmān provides the jurisprudential basis for such adaptation. Nevertheless, fundamental fiqh principles continue to recognise that maintenance obligations may be discharged through ibrā' with the consent of the creditor. Accordingly, the implementation of e-Nafkah must strike a balance between ensuring family livelihood and respecting individual rights, thereby demonstrating the capacity of Islamic family law to adapt to contemporary realities without contravening syariah principles.

Keywords: Maintenance, Family Support Division (BSK), e-Nafkah, classical fiqh, maqasid syariah, ibrak

PENDAHULUAN

Isu nafkah pascaperceraian dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia antara perkara yang sering mendapat perhatian umum. Hakikatnya, masih banyak bekas suami yang gagal menunaikan kewajipan untuk memberikan nafkah kepada anak dan bekas isteri setelah berlakunya perceraian (Nur Zulfah Md Abdul Salam & Nur Syazwani Mohd Khatib, 2023). Kegagalan ini sering mengakibatkan tunggakan nafkah yang tinggi yang ada kalanya mencecah puluhan ribu ringgit dalam sesetengah kes. Dalam hal ini, terdapat laporan yang menunjukkan bahawa jumlah tunggakan nafkah yang direkodkan oleh mahkamah syariah meningkat saban tahun dan terdapat kes, iaitu bekas isteri terpaksa menanggung sepenuhnya keperluan asas anak tanpa sebarang bantuan kewangan daripada bekas suami (Zaini Nasoha & Suwaid Tapah, 2001). Selain itu, laporan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia turut menunjukkan peningkatan bilangan kes berdaftar dan kadar penyelesaian selepas langkah penguatkuasaan dipergiat (Shakira Buang et al., 2024). Sebagai contoh, di Terengganu, tujuh lelaki dipenjarakan antara tahun 2010 hingga tahun 2015 kerana gagal mematuhi perintah nafkah anak,

manakala 726 kes ingkar dicatatkan dalam tempoh tersebut (Gagal bayar nafkah, 2016). Pada peringkat negeri pula, dilaporkan bahawa lebih kurang 70% kes perceraian di Negeri Sembilan berpunca daripada kecuaian suami dari segi menunaikan kewajipan nafkah (Norafidah Hassan, 2021).

Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kestabilan kewangan keluarga, malah memberikan implikasi serius terhadap aspek pendidikan, kesihatan dan perkembangan emosi anak. Oleh itu, masalah tunggakan nafkah wajar diberikan perhatian serius kerana menggugat kesejahteraan institusi keluarga dan mencabar fungsi perundangan syariah sebagai pelindung hak golongan yang lemah secara langsung.

Bagi menangani masalah ini, mahkamah syariah melalui penubuhan BSK, memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi membantu pihak yang berhak menerima nafkah. Bahagian ini berperanan bukan sahaja dalam pemberian sokongan guaman, malah turut melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan bagi memastikan perintah mahkamah dipatuhi (Mohamad Hedhayatullah Mohamad, 2019). Usaha ini bukan sekadar bersifat pentadbiran, tetapi suatu bentuk intervensi berstruktur yang memberikan capaian keadilan dengan lebih menyeluruh terhadap bekas isteri dan anak. Langkah ini kemudiannya diperkukuh dengan pengenalan sistem digital e-Nafkah oleh JKSM pada tahun 2023 untuk memudahkan pemantauan pembayaran nafkah secara lebih sistematik dan telus (Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa, 2024). Dengan adanya sistem ini, pembayaran nafkah dapat dikesan secara langsung melalui platform digital, sekali gus mengurangkan ruang manipulasi oleh pihak yang culas.

Mohd Na'im Mokhtar seperti yang dinyatakan dalam Latifah Ibrahim (2024) menegaskan bahawa perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah tidak seharusnya tinggal sekadar catatan di atas kertas, sebaliknya perlu diterjemahkan dalam bentuk pembayaran sebenar. Penegasan ini bermaksud bahawa penguatkuasaan perintah nafkah perlu diperkukuh melalui mekanisme pemantauan yang berkesan dan berterusan. Hal ini sekali gus menuntut peranan aktif BSK bagi memastikan setiap perintah yang dikeluarkan dapat dilaksanakan, seterusnya meningkatkan keberkesanan undang-undang syariah dalam penjagaan hak wanita dan anak-anak.

Namun begitu, dari sudut fekah klasik, konsep pemantauan secara automatik tidak wujud. Ahli fekah menegaskan bahawa kewajipan nafkah hanya dapat dikuatkuasakan apabila terdapat aduan atau tuntutan daripada pihak pemiutang, iaitu isteri atau anak melalui walinya (al-Kassani, 2005). Hakim hanya berperanan sebagai pelaksana keputusan setelah sesuatu

tuntutan didaftarkan. Sekiranya tiada aduan, hak tersebut dianggap gugur, sama ada kerana kerelaan, ibrak atau faktor lain (dengan syarat pengakuan di mahkamah). Hal ini menunjukkan bahawa fekah klasik lebih bersifat reaktif dan memberikan ruang luas kepada pemiutang untuk menentukan, sama ada hak tersebut ingin dituntut atau dilepaskan.

Oleh itu, timbul keperluan untuk melihat cara pendekatan undang-undang moden di Malaysia, khususnya melalui peranan BSK dan sistem e-Nafkah. Hal ini dapat diselarikan dengan prinsip fekah yang ditetapkan oleh ulama. Perbandingan ini penting kerana bukan sahaja melibatkan aspek perundangan semasa, tetapi juga persoalan kemampuan adaptasi hukum fekah klasik untuk diaplikasikan dalam konteks masyarakat moden. Dalam hal ini, maqasid syariah menjadi asas penting untuk menilai kesesuaian sesuatu reformasi perundangan, khususnya bagi memastikan kebajikan anak dan bekas isteri terus terbela.

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis pandangan fekah mengenai tuntutan nafkah pascaperceraian, khususnya yang berhubung dengan kedudukan aduan daripada pemiutang, seperti isteri atau anak. Di samping itu, pengkaji menilai peranan BSK dalam pemantauan dan penguatkuasaan pembayaran nafkah melalui sistem, serta prosedur yang diperkenalkan, termasuklah pelaksanaan e-Nafkah. Seterusnya, pengkaji membandingkan pendekatan antara fekah klasik dengan amalan undang-undang syariah moden di Malaysia bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaannya.

Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk menilai kemampuan mekanisme pemantauan nafkah pascaperceraian di Malaysia, khususnya melalui peranan BSK dan pelaksanaan sistem e-Nafkah, menepati kehendak syariah dari perspektif fekah dan undang-undang. Penilaian ini merangkumi analisis terhadap prinsip asas fekah klasik yang berkaitan dengan tanggungjawab nafkah selepas perceraian dan ruang ijtihad dalam pelaksanaannya, di samping meneliti keberkesanan peranan BSK dan inovasi digital e-Nafkah dalam pemantauan pelaksanaan perintah nafkah di mahkamah syariah. Kajian ini turut membandingkan pendekatan fekah klasik yang bersifat reaktif dengan pendekatan undang-undang syariah moden yang lebih proaktif bagi memastikan hak anak dan bekas isteri terus terbela, selaras dengan tuntutan maqasid syariah dan realiti masyarakat semasa.

KAJIAN LEPAS

Pelbagai kajian terdahulu di Malaysia meliputi aspek perbincangan isu kegagalan pembayaran nafkah, serta gambaran tentang realiti dan cabaran

di lapangan. Misalnya, Zaini Nasohah (2025) meneliti pelaksanaan perintah nafkah di mahkamah syariah dan mendapati bahawa kelewatan serta kegagalan pembayaran nafkah berpunca daripada kelemahan penguatkuasaan dan sikap culas suami. Mohd. Hazwan Ismail dan Jasni Sulong (2022) membincangkan aspek penguatkuasaan penghakiman kewangan di mahkamah syariah, khususnya melalui mekanisme sitaan dan penjualan dalam kes tunggakan nafkah isteri dan anak secara mendalam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun perintah nafkah dikeluarkan oleh mahkamah, tahap ketidakpatuhan masih kekal tinggi disebabkan oleh kekangan prosedur, perbezaan tafsiran hakim dan ketiadaan mekanisme pemantauan yang sistematik dan berterusan. Pengkaji ini turut menegaskan bahawa kegagalan pembayaran nafkah bukan semata-mata berpunca daripada sikap penghutang, sebaliknya turut mencerminkan kelemahan struktur institusi penguatkuasaan, termasuklah kebergantungan terhadap aduan pemiutang dan keterbatasan kuasa pelaksanaan. Oleh itu, pengkaji ini menyokong keperluan pendekatan pemantauan yang lebih proaktif bagi memastikan hak bekas isteri dan anak benar-benar dapat dilindungi melalui sistem perundangan syariah.

Mohd Hazwan Ismail dan Syeikh Muhd Taufiq A. Rashid (2024) pula membincangkan waktu dan cara perintah nafkah anak boleh dibatalkan apabila syarat tertentu dipenuhi. Mohd Hazwan Ismail dan Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa (2024) pula memperincikan jenis nafkah selain keperluan asas (makanan, pakaian dan tempat tinggal), seperti pendidikan dan perubatan, yang makin dituntut dalam kes mahkamah syariah. Kajian seperti ini membantu memperluas pemahaman tentang nafkah selain kewajipan klasik dan cara tuntutan semasa yang mungkin telah berkembang.

Kajian tentang peranan BSK sejak penubuhannya pada bulan April 2009 juga suatu yang menarik. Hal ini dikaitkan dengan usaha untuk mempercepat penyelesaian kes nafkah, penguatkuasaan melalui tindakan, seperti sekatan akaun bank, pembekuan aset dan penggunaan kaedah *hiwalah* untuk penyaluran nafkah (Mohd Hazwan Ismail, 2023a). Di samping itu, terdapat pengkaji khusus yang meneliti cara BSK berfungsi di negeri, cabaran staf, prosedur dan keberkesanan tindakan BSK di Kedah (Halimatus Saadiah Kariya, 2015).

Walau bagaimanapun, terdapat jurang penyelidikan yang jelas, iaitu kurangnya kajian yang secara spesifik menumpukan pemantauan nafkah pascaperceraian yang lebih memfokuskan prosedur, iaitu proses apabila

pihak berkuasa, seperti BSK, secara aktif mengesan dan memantau pembayaran nafkah tanpa hanya menunggu aduan. Kebanyakan kajian masih bersifat reaktif, iaitu berdasarkan aduan atau memfokuskan jenis nafkah, serta isu keperluan asas dan keperluan bukan asas. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengisi jurang tersebut dengan menggabungkan antara perspektif undang-undang syariah moden dengan prinsip fekah klasik.

Masalah Kajian

Dari sudut praktikal, masalah utama yang dihadapi dalam isu nafkah pascaperceraian ialah kegagalan sebahagian besar bekas suami untuk menunaikan tanggungjawab pembayaran nafkah kepada anak dan bekas isteri. Dengan berdasarkan statistik dan laporan media, kes culas membayar nafkah terus meningkat dari tahun ke tahun, malah ada yang berlarutan sehingga menjejaskan kelangsungan hidup ibu tunggal dan anak (Norafidah Assan, 2021). Isu ini bukan sahaja melibatkan kekangan kewangan keluarga, tetapi juga memberikan kesan sosial dan psikologi terhadap anak yang membesar dalam keadaan keperluan asas yang tidak mencukupi. Kesannya, sebahagian besar ibu tunggal terpaksa memikul beban kewangan seorang diri sehingga menyebabkannya berada dalam kelompok yang mudah terdedah pada masalah kemiskinan bandar dan tekanan hidup.

Bahagian Sokongan Keluarga yang diwujudkan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pula berhadapan dengan beban kes yang makin bertambah saban tahun. Walaupun fungsi BSK adalah untuk membantu memastikan pelaksanaan nafkah berjalan lancar, realitinya, BSK berhadapan dengan pelbagai cabaran teknikal dan pentadbiran. Antaranya termasuklah kekangan sumber manusia, beban kerja yang tinggi, peranan yang terhad akibat perbezaan tauliah peguam dan bailif berdasarkan negeri, serta cabaran penguatkuasaan yang tidak seragam di seluruh negara (Mohd Hazwan Ismail, 2024). Keadaan ini menyebabkan keberkesanan BSK sering dipersoalkan, khususnya apabila terdapat kes tunggakan nafkah yang berlarutan sehingga bertahun-tahun tanpa penyelesaian. Oleh itu, walaupun sistem e-Nafkah diperkenalkan oleh JKSM pada tahun 2023 sebagai langkah untuk memudahkan pemantauan, kejayaannya tetap bergantung pada kerjasama yang erat antara mahkamah, peguam dan agensi penguatkuasaan lain (Zaid Adhar, 2024).

Dari sudut fekah pula, terdapat jurang pendekatan undang-undang moden yang diamalkan pada hari ini. Dalam hal ini, ahli fekah klasik

menegaskan bahawa kewajipan nafkah hanya boleh dikuatkuasakan apabila ada aduan atau tuntutan daripada pihak pemiutang, iaitu bekas isteri atau anak, melalui walinya (al-Mawardi, t.t.). Konsep pemantauan secara proaktif dan automatik oleh pihak berkuasa masih belum ditemukan secara jelas dalam literatur fekah klasik. Kadi hanya bertindak setelah tuntutan difailkan di mahkamah, tetapi mahkamah tidak boleh memaksa pelaksanaannya sekiranya bekas isteri reda, melakukan ibrak atau menggugurkan haknya. (Ibn Qudamah, 2013). Hal ini menggambarkan bahawa fekah klasik lebih menekankan prinsip hak individu dan keberadaan tuntutan rasmi sebelum sesuatu kewajipan boleh dipaksa.

Jurang utama yang timbul daripada perbincangan ini ialah persoalan, sama ada pemantauan nafkah secara automatik oleh undang-undang syariah moden melalui mekanisme BSK dan sistem e-Nafkah, selari dengan prinsip fekah atau tidak. Persoalan ini wajar dikaji dengan telitinya kerana melibatkan legitimasi ijtihad kontemporari dalam pentadbiran undang-undang Islam. Jika selari dengan maqasid syariah, inovasi pentadbiran ini dapat diterima sebagai suatu bentuk peluasan hukum yang bertujuan untuk menjaga maslahat masyarakat. Namun begitu, sekiranya perkara ini melanggar prinsip asas fekah, keberlangsungannya boleh dipersoalkan. Oleh itu, penelitian akademik terhadap isu ini penting agar sebarang reformasi dalam undang-undang keluarga Islam kekal berpaksikan maqasid syariah dan tidak terpisah daripada kerangka fekah klasik.

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif (Siti Uzairiah, 2017) yang berbentuk analisis dokumen dan teks. Rujukan utama melibatkan kitab fekah klasik, seperti *al-Mughnī* oleh Ibn Qudamah (2013), *al-Ahkām al-Sulṭāniyyah* oleh al-Māwardī (t.t) dan *Badā'i' al-Ṣanā'i'* oleh al-Kassani (2005) yang membincangkan konsep hak nafkah dan mekanisme tuntutan dalam fekah klasik. Di samping itu, analisis turut merangkumi peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia melalui statut, seperti Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] dan enakmen negeri mahkamah syariah yang berkaitan. Laporan tahunan daripada BSK juga dijadikan sumber data utama untuk meneliti isu praktikal dalam pemantauan nafkah pascaperceraian.

Selain itu, pengkaji turut menilai sumber sekunder, seperti laporan media dan penyelidikan akademik terdahulu. Sebagai contoh, laporan penyelesaian kes mahkamah (2025) mengenai pelaksanaan sistem secara teknologi terkini,

seperti kecerdasan buatan (AI) melalui sistem e-Nafkah, artikel Mohd Hazwan Ismail (2020) yang membincangkan keadilan dalam nafkah, serta laporan BSK, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Seksyen Negeri Pulau Pinang (2024) mengenai statistik pemantauan tuntutan nafkah. Kaedah perbandingan diaplikasikan melalui pendekatan kajian doktrinal undang-undang, iaitu dengan menganalisis dokumen berdasarkan peruntukan undang-undang positif dan pandangan fekah bagi mengenal pasti kesesuaian konsep pemantauan automatik dengan prinsip syariah.

Selain analisis dokumen, pengkaji turut menyokong data dengan kaedah lapangan melalui temu bual. Bentuk temu bual yang dipilih ialah temu bual tidak berstruktur seperti yang dianjurkan oleh Ahmad Sunawari (2009). Penemu bual ialah seorang pegawai syariah di BSK yang berkhidmat di Jabatan Kehakiman Syariah negeri. Temu bual ini dilakukan untuk menyokong dan memperkukuh dapatan bagi objektif kajian, khususnya objektif yang menilai peranan dan keberkesanan BSK dan inovasi digital e-Nafkah dalam pemantauan dan penguatkuasaan perintah nafkah.

Data yang diperoleh daripada temu bual ini kemudiannya digabungkan dengan kerangka teori fekah dan maqasid syariah, khususnya konsep *al-haqq li al-ādami*, prinsip maqasid syariah dan kaedah fekah yang membenarkan penyesuaian hukum mengikut perubahan masa dan keadaan bagi menghasilkan analisis yang lebih menyeluruh, seterusnya membantu merungkaikan permasalahan kajian dan menawarkan cadangan penyelesaian yang lebih terperinci. Seterusnya, analisis terhadap peranan BSK melalui Unit Pemantauan dan sistem e-Nafkah yang digunakan bagi menjawab objektif, iaitu menilai keberkesanan mekanisme pemantauan nafkah dalam undang-undang syariah Malaysia.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Menerusi perbincangan fekah klasik, didapati bahawa kewajipan nafkah dalam konteks pascaperceraian sangat bergantung pada tuntutan pihak yang berhak. Ulama, seperti Ibn Qudāma (2013), menegaskan bahawa nafkah merupakan hak individu (*al-haqq li al-ādami*) yang boleh dituntut atau dilepaskan mengikut kerelaan pihak yang berhak. Sekiranya isteri bersetuju untuk memberikan ibrak, kewajipan nafkah gugur dan hakim tidak boleh memaksa bekas suami untuk membayarnya setelah pengakuan pelepasan hak itu dibuat di hadapan hakim. Hal ini dikatakan demikian kerana kadi dalam fekah klasik berfungsi secara reaktif, iaitu hanya bertindak setelah wujud aduan atau tuntutan rasmi daripada pemiutang (*al-Māwardī, t.t.*).

Oleh itu, tiada konsep pemantauan automatik atau penguatkuasaan nafkah tanpa aduan dalam kerangka fekah klasik. Prinsip ini menggambarkan bahawa sistem fekah silam meletakkan tanggungjawab yang besar kepada pihak yang berhak untuk melaksanakan tuntutan sendiri, bukannya pada institusi kehakiman untuk bertindak secara automatik.

Sebaliknya, dalam perundangan syariah di Malaysia, konsep nafkah pascaperceraian diperkukuh melalui peruntukan jelas dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] dan enakmen negeri. Hakim berkuasa untuk memerintahkan pembayaran nafkah anak dan bekas isteri serta boleh menetapkan amaun berdasarkan kemampuan bapa dan keperluan anak melalui Seksyen 72 Akta 303 (Mohd Hazwan Ismail et al., 2025). Keberadaan peruntukan statutori ini memperlihatkan suatu anjakan paradigma daripada pendekatan fekah klasik apabila institusi kehakiman diberi kuasa bukan sahaja untuk menerima tuntutan, malah untuk menilai, serta mengimbangi hak dan kewajipan antara kedua-dua pihak.

Bahagian Sokongan Keluarga diwujudkan melalui keputusan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-47 bertarikh 7 Jun 2007. Hasil daripada mesyuarat tersebut, BSK dilancarkan pada 22 Oktober 2008 dan beroperasi seawal bulan April 2009 dengan melibatkan 96 orang kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang ditempatkan di seluruh Malaysia (Mohd Hazwan Ismail, 2024). Bahagian Sokongan Keluarga juga berada di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang diberi mandat untuk memantau dan menguatkuasakan pelaksanaannya, serta membantu ibu tunggal dalam tuntutan nafkah. Antara peranan BSK termasuklah menyediakan bantuan guaman, mengurus potongan gaji dan pembayaran terus kepada bekas isteri atau penjaga, serta menyediakan khidmat rundingan dan mediasi bagi mengurangkan konflik. Dengan kewujudan BSK, hak anak tidak lagi bergantung sepenuhnya pada individu, sebaliknya diperkukuh melalui mekanisme institusi yang bersifat proaktif (Abu Suffian Abu Yaziz, 2013).

Dari sudut inovasi, sistem e-Nafkah yang diperkenalkan pada tahun 2023 merupakan langkah penting bagi memodenkan pemantauan nafkah. Sistem ini membolehkan pegawai mahkamah memantau pembayaran nafkah. Sistem yang didaftarkan ini memudahkan penguatkuasaan dan mengurangkan isu ketidakpatuhan (Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa, 2024). Langkah ini memberikan gambaran bahawa undang-undang syariah Malaysia sedang bergerak ke arah pemantauan proaktif yang berbeza daripada prinsip fekah

klasik yang reaktif. Langkah ini juga menzahirkan peranan teknologi sebagai instrumen penting bagi memastikan keberkesanan pentadbiran keadilan syariah supaya seiring dengan aspirasi transformasi digital perkhidmatan kerajaan.

Secara keseluruhan, perbincangan daripada kajian ini menunjukkan bahawa Malaysia sedang melangkah ke arah model penguatkuasaan nafkah yang lebih sistematik, bersepadu dan mesra pengguna, sekali gus berupaya untuk mengurangkan masalah tunggakan nafkah yang berpanjangan. Walaupun fekah klasik menekankan elemen kerelaan dan inisiatif pihak yang berhak, realiti semasa memerlukan mekanisme perundangan yang lebih ketat dan tersusun. Oleh itu, gabungan antara prinsip fekah dengan inovasi undang-undang moden ini bukan sahaja melindungi kepentingan anak, malah memberikan mesej bahawa institusi syariah mampu menawarkan penyelesaian yang relevan, pragmatik dan berkesan seiring dengan cabaran kontemporari. Dengan adanya inovasi yang diperkenalkan oleh JKSM melalui sistem e-Nafkah, setiap BSK pada peringkat negeri perlu mendaftarkan kes terlebih dahulu melalui Unit Pemantauan (UP). Unit ini berfungsi sebagai pintu masuk awal sebelum kes beralih kepada Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP), serta Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) (Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa, 2024). Jumlah pendaftaran direkodkan pada tahun 2024 dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1 Jumlah pendaftaran yang direkodkan pada tahun 2024 oleh Unit Pemantauan (UP) di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK).

Bil.	Kod Kes Mal Unit Pemantau (UP)	Tarikh Pendaftaran	Jumlah Tunggakan Bayaran yang Dipantau
1.	2401-07-162-UP-0001	31/1/2024	RM4,000.00
2.	2401-07-151-UP-0002	31/1/2024	RM2,700.00
3.	2401-07-151-UP-0003	31/1/2024	RM10,400.00
4.	2401-07-152-UP-0004	31/1/2024	RM38,250.00
5.	2402-07-152-UP-0007	28/2/2024	RM24,600.00
6.	2402-07-162-UP-0008	28/2/2024	RM1,000.00
7.	2402-07-152-UP-0009	28/2/2024	RM8,850.00
8.	2405-07-151-UP-0011	8/5/2024	RM300.00
9.	2405-07-151-UP-0012	8/5/2024	RM3,760.00
10.	2405-07-024-UP-0013	8/5/2024	RM2,850.00

Sambungan Jadual 1 Jumlah pendaftaran yang direkodkan pada tahun 2024 oleh Unit Pemantauan (UP) di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK).

Bil.	Kod Kes Mal Unit Pemantau (UP)	Tarikh Pendaftaran	Jumlah Tunggakan Bayaran yang Dipantau
11.	2405-07-151-UP-0014	8/5/2024	RM4,000.00
12.	2405-07-151-UP-0015	8/5/2024	RM8,200.00
13.	2405-07-024-UP-0016	8/5/2024	RM4,900.00
14.	2406-07-151-UP-0017	19/6/2024	RM29,000.00
15.	2406-07-251-UP-0018	19/6/2024	RM5,300.00
16.	2406-07-162-UP-0019	19/6/2024	RM26,400.00
17.	2406-07-152-UP-0020	19/6/2024	RM8,400.00
18.	2407-07-151-UP-0021	23/7/2024	RM1,950.00
19.	2408-07-251-UP-0022	26/8/2024	RM1,800.00
20.	2408-07-251-UP-0023	26/8/2024	RM2,350.00
21.	2408-07-152-UP-0024	26/8/2024	RM20,000.00
22.	2408-07-251-UP-0025	26/8/2024	RM5,600.00
23.	2410-07-152-UP-0026	1/10/2024	RM500.00
24.	2410-07-151-UP-0027	1/10/2024	RM32,610.00
25.	2410-07-251-UP-0028	1/10/2024	RM7,200.00
26.	2410-07-151-UP-0029	1/10/2024	RM20,700.00
27.	2410-07-251-UP-0030	1/10/2024	RM4,700.00
28.	2410-07-151-UP-0031	1/10/2024	RM16,200.00
29.	2410-07-424-UP-0032	1/10/2024	RM7,950.00
30.	2410-07-151-UP-0033	1/10/2024	RM4,800.00
31.	2410-07-152-UP-0034	1/10/2024	RM24,500.00
Jumlah Keseluruhan yang Dipantau			RM333,770.00

Jadual 1 menunjukkan bahawa jumlah tunggakan nafkah yang dipantau melalui sistem e-Nafkah mencecah RM333,770.00 yang melibatkan 31 kes berdaftar. Data ini memperlihatkan bahawa jumlah tunggakan adalah antara RM300.00 hingga RM38,250.00 bagi satu kes. Jumlah ini menunjukkan beban kewangan yang perlu ditanggung oleh ibu tunggal dan anak disebabkan oleh kegagalan bekas suami dalam pelaksanaan kewajipan nafkah. Corak pendaftaran juga memperlihatkan peningkatan secara berperingkat dari bulan Januari 2024 hingga bulan Oktober 2024, dengan beberapa kes yang

jumlah tunggaknya tinggi bagi bulan Oktober. Dapatan ini membuktikan bahawa BSK berfungsi sebagai mekanisme penting dalam pemantauan dan pengurusan kes tunggakan nafkah, sekali gus mengukuhkan keperluan pemantauan berterusan melalui sistem e-Nafkah demi memastikan kebajikan keluarga pascaperceraian lebih terjamin.

Dari segi perbandingan, jurang utama yang dapat dikenal pasti ialah perbezaan pendekatan antara fekah klasik dengan undang-undang syariah moden. Dalam fekah klasik, kadi hanya bertindak secara reaktif, iaitu selepas terdapat aduan atau tuntutan daripada pihak yang berhak. Hak nafkah dianggap sebagai *al-haqq li al-ādami* yang boleh dituntut atau dilepaskan berdasarkan kerelaan penerima. Oleh itu, sekiranya tiada tuntutan, nafkah tidak akan dipantau atau dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa agama. Sebaliknya, dalam konteks undang-undang syariah Malaysia, pendekatan yang lebih proaktif dibangunkan melalui penubuhan BSK dan sistem digital e-Nafkah yang membolehkan pemantauan automatik dilakukan oleh mahkamah. Perbezaan ini menunjukkan bahawa adanya transformasi dalam mekanisme penguatkuasaan undang-undang bagi menyesuaikan keperluan semasa masyarakat.

Walaupun kelihatan ketara, perbezaan ini dapat difahami sebagai suatu bentuk perkembangan semasa yang berasaskan keperluan praktikal. Statistik kes perceraian yang meningkat saban tahun memerlukan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan bagi memastikan hak anak dan bekas isteri tidak terabai. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, kegagalan bekas suami untuk menunaikan nafkah menyebabkan implikasi besar terhadap kesejahteraan keluarga. Oleh itu, langkah undang-undang moden yang bersifat proaktif menerusi BSK dan e-Nafkah ialah penyelesaian yang lebih realistik dan berkesan bagi menangani isu tunggakan nafkah yang berlarutan (Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa, 2024).

Dari sudut maqasid syariah, pendekatan undang-undang moden ini lebih dekat dengan tuntutan syariah untuk menjaga maslahat dan mengangkat mudarat. Maqasid syariah secara ringkas merujuk tujuan besar syariah yang digarap oleh ulama untuk memelihara kepentingan manusia dan menolak kemudaratannya dalam lima aspek utama, iaitu agama (*ḥifẓ al-dīn*), nyawa (*ḥifẓ al-nafs*), akal (*ḥifẓ al-‘aql*), keturunan (*ḥifẓ al-nasl*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*) (al-Syatibi, 1997). Konsep maqasid ini menjadi relevan dalam perbincangan nafkah pascaperceraian kerana isu kegagalan nafkah bukan sahaja melibatkan hak kewangan, tetapi juga memberikan kesan langsung terhadap kemaslahatan keluarga, terutamanya kanak-kanak dan ibu tunggal.

Prinsip *hifẓ al-nasl* menekankan kepentingan agar anak tidak terabai tanpa sokongan kewangan yang mencukupi, manakala prinsip *hifẓ al-māl* memastikan anak menerima keperluan asas secara konsisten. Sekiranya penguatkuasaan nafkah tidak dilaksanakan secara sistematik, anak berisiko untuk kehilangan hak asasinya yang akhirnya menjejaskan kestabilan institusi keluarga dan struktur sosial. Oleh itu, sistem pemantauan yang dilaksanakan melalui BSK dan e-Nafkah bukan sahaja memenuhi tuntutan undang-undang, tetapi juga mencerminkan pelaksanaan maqasid syariah yang lebih luas bagi memelihara kestabilan sosial (al-Syatibi, 1996).

Selain itu, pendekatan moden ini turut memperlihatkan usaha ijtihad kontemporari yang mengambil kira realiti semasa. Walaupun fekah klasik tidak memperuntukkan mekanisme pemantauan nafkah secara automatik, prinsip *sadd al-dharā'i* (menutup jalan kemudarat) dan *jalb al-maṣāliḥ* (mendatangkan maslahat) memberikan asas yang kukuh bagi inovasi undang-undang pada masa ini (Mohd Hazwan Ismail, 2020). *Sadd al-dharā'i* bertujuan untuk mencegah kerosakan sebelum berlaku, termasuklah risiko anak dan bekas isteri terabai disebabkan oleh kegagalan pembayaran nafkah. Dengan adanya pemantauan sistematik melalui BSK dan e-Nafkah, potensi mudarat, seperti kemiskinan, keciciran pendidikan dan tekanan psikososial, dapat dicegah dengan lebih awal seiring dengan objektif prinsip ini.

Jalb al-maṣāliḥ pula menekankan usaha untuk mendatangkan kebaikan dan manfaat secara langsung terhadap masyarakat. Dalam konteks nafkah pascaperceraian, manfaat ini dapat dilihat melalui pemastian bahawa perintah nafkah bukan sahaja dikeluarkan, tetapi benar-benar dilaksanakan. Pemantauan berstruktur membantu memastikan hak anak dipelihara, bekas isteri dibantu dan beban institusi keluarga dikurangkan. Pendekatan proaktif e-Nafkah yang memudahkan pengesanan bayaran, rekod digital dan tindakan susulan secara automatik selaras dengan prinsip mendatangkan maslahat kerana meningkatkan keberkesanan pelaksanaan undang-undang syariah.

Apabila digabungkan, kedua-dua prinsip ini memperkukuh kedudukan mekanisme pemantauan nafkah sebagai suatu reformasi undang-undang yang selari dengan maqasid syariah. Melalui *sadd al-dharā'i*, pelaksanaan undang-undang dapat memastikan agar keburukan dapat dibendung sebelum memberikan kesan besar terhadap keluarga pascaperceraian. Melalui *jalb al-maṣāliḥ*, pelaksanaan undang-undang dapat memastikan faedah, seperti keselamatan kewangan dan perlindungan anak, dapat

dicapai secara optimum. Oleh itu, transformasi daripada pendekatan reaktif kepada proaktif bukan sahaja menepati tuntutan pentadbiran moden, malah secara langsung memperkukuh peranan undang-undang syariah dalam penjagaan kemaslahatan masyarakat.

Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa inovasi, seperti e-Nafkah, selaras dengan maqasid syariah berdasarkan beberapa pecahan subtopik, iaitu (1) keselarasan antara e-Nafkah dengan maqasid syariah, (2) asas fekah bagi penyesuaian undang-undang, (3) ijtihad kontemporari dan adaptasi pelaksanaan hukum, (4) keperluan pendekatan proaktif dalam realiti semasa, (5) reformasi pentadbiran melalui Unit Pemantauan BSK, (6) inovasi digital: Peranan sistem e-Nafkah, (7) had penguatkuasaan: menghormati hak individu, dan (8) keperluan keseimbangan dalam pelaksanaan undang-undang.

Keselarasan antara e-Nafkah dengan Maqasid Syariah

Sistem e-Nafkah yang diwujudkan menepati syarak walaupun tidak pernah wujud dalam perbahasan fekah klasik. Hal ini dikatakan demikian kerana matlamat utama pelaksanaannya adalah untuk memastikan maslahat umum terpelihara, khususnya dalam penjagaan kebajikan anak dan bekas isteri yang terkesan selepas perceraian. Dalam kerangka maqasid, pelaksanaan mekanisme pemantauan nafkah bukan sahaja memenuhi prinsip *hifz al-nasl* (pemeliharaan keturunan) dan *hifz al-māl* (pemeliharaan harta), tetapi juga memberikan kebaikan kepada masyarakat secara kolektif melalui pengurangan kadar kemiskinan keluarga pascaperceraian.

Asas Fekah bagi Penyesuaian Undang-undang

Kaedah fekah yang dirumuskan oleh ulama, antaranya seperti yang dinyatakan oleh Muhammad Yusri Ibrahim (2013) ialah undang-undang berubah sering dengan perubahan masa. Kaedah ini memberikan legitimasi terhadap penyesuaian undang-undang berdasarkan realiti semasa. Hukum-hukum atau dasar pelaksanaan undang-undang boleh berubah seiring dengan perkembangan zaman dan tempat kerana realiti masyarakat sentiasa dinamik dari sudut sosial, ekonomi dan politik. Dalam konteks nafkah pascaperceraian, pelaksanaan sistem pemantauan melalui BSK dan e-Nafkah merupakan bentuk ijtihad pemerintah berasaskan maslahat yang selaras dengan kaedah bahawa hukum boleh berubah mengikut keadaan tanpa menyalahi prinsip asas syariah (Mohd Hazwan Ismail, 2023b).

Ijtihad Kontemporari dan Adaptasi Pelaksanaan Hukum

Kaedah ini tidak bermaksud untuk mengubah nas syarak yang *qat'i*, tetapi menjelaskan bahawa mekanisme pelaksanaan hukum dapat disesuaikan menurut keperluan semasa. Oleh itu, e-Nafkah dan peranan BSK dapat dilihat sebagai ijtihad kontemporari yang bertepatan dengan prinsip syariah kerana berfungsi untuk memelihara maslahat dan menolak kemudaratan. Pendekatan ini menegaskan bahawa pelaksanaan undang-undang Islam bersifat dinamik dan mampu beradaptasi dengan cabaran masyarakat moden, termasuklah peningkatan kos sara hidup, kadar perceraian yang tinggi dan cabaran untuk mendapatkan komitmen nafkah daripada bekas suami.

Keperluan Pendekatan Proaktif dalam Realiti Semasa

Perubahan sosial, ekonomi dan politik dalam masyarakat moden menuntut undang-undang Islam bersifat lebih adaptif. Pada zaman silam, mekanisme tuntutan nafkah bersifat individu dan reaktif. Kini, realiti semasa memerlukan pendekatan institusi yang kolektif, sistematik dan efektif. Oleh itu, mekanisme pemantauan proaktif melalui e-Nafkah tidak boleh dianggap menyimpang daripada fekah klasik, sebaliknya merupakan peluasan aplikasi hukum yang menepati roh syariah dan kaedah perubahan hukum dengan perubahan masa (Mohd Hazwan Ismail, 2023b).

Reformasi Pentadbiran melalui Unit Pemantauan Bahagian Sokongan Keluarga

Dalam konteks Malaysia, pelaksanaan Unit Pemantauan BSK menzahirkan reformasi penting dalam pentadbiran undang-undang keluarga Islam. Penubuhan unit ini membuktikan komitmen pemerintah untuk memastikan undang-undang syariah tidak statik, tetapi berkembang berdasarkan keperluan masyarakat (Abu Suffian, 2013). Fungsi unit ini merangkumi aktiviti menjejak, merekod dan mengawasi pembayaran nafkah, serta mencerminkan peralihan daripada pendekatan reaktif kepada proaktif. Dengan adanya sistem ini, mahkamah tidak lagi bergantung sepenuhnya pada aduan pemiutang, sebaliknya mengurus pematuhan perintah nafkah secara lebih menyeluruh (Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa, 2024).

Inovasi Digital: Peranan Sistem E-Nafkah

Langkah reformasi ini turut diperkukuh melalui pengenalan sistem e-Nafkah oleh JKSM yang menawarkan platform digital bagi tujuan pendaftaran, pemantauan dan pelaporan kes tunggakan nafkah (JKSM, 2024). Inovasi ini meningkatkan ketelusan, memudahkan capaian maklumat dan mengurangkan risiko pemanipulasian oleh penghutang. Dari perspektif maqasid, sistem ini membuktikan bahawa undang-undang syariah mampu mengambil manfaat teknologi moden sebagai alat bagi memastikan kebajikan anak dan bekas isteri lebih terpelihara (Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa, 2024).

Had Penguatkuasaan: Menghormati Hak Individu

Pemantauan automatik mestilah tidak menafikan hak individu untuk melepaskan tuntutan nafkah kerana nafkah ialah *al-ḥaqq li al-ādami*, iaitu hak individu yang boleh dituntut atau dilepaskan. Sekiranya bekas isteri menggugurkan haknya secara sukarela, mahkamah hendaklah menghormati keputusan tersebut (Mohd Hazwan Ismail, 2024). Hal ini menunjukkan bahawa undang-undang moden masih perlu berpaksikan prinsip keadilan syariah yang memberikan ruang kerelaan pemiutang walaupun mempunyai mekanisme penguatkuasaan yang ketat. Hal ini dapat dilihat dalam kes *Rasida lwn Wahid* (2019) apabila tunggakan nafkah berjumlah RM96,300 dilepaskan sebahagiannya melalui konsep ibrak. Walaupun berhak untuk menuntut keseluruhan amaun hutang, pemiutang boleh memilih untuk melepaskan sebahagian tunggakan setelah berunding. Kes ini menunjukkan keseimbangan antara keperluan penguatkuasaan dengan pengiktirafan hak individu yang selaras dengan prinsip fekah klasik.

Keperluan Keseimbangan dalam Pelaksanaan Undang-undang

Sistem pemantauan melalui BSK dan e-Nafkah perlu dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan dan mengimbangi antara dua keperluan penting. Pertama, keperluan kolektif untuk melindungi kebajikan keluarga, terutamanya anak yang sering menjadi mangsa kegagalan pembayaran nafkah. Kedua, hak pemiutang untuk melepaskan tuntutan berdasarkan prinsip fekah. Pendekatan fleksibel ini memastikan bahawa inovasi undang-undang moden bukan sahaja tidak

menyimpang daripada prinsip syariah, malah mengukuhkan peranan undang-undang syariah dalam pemberian keadilan secara menyeluruh (Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa, 2024).

Oleh itu, daripada pecahan lapan subtopik yang dibincangkan ini, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan Unit Pemantauan dan sistem e-Nafkah bukan sahaja reformasi teknikal dalam pentadbiran undang-undang keluarga Islam, tetapi juga cerminan bentuk ijtihad kontemporari yang berpaksikan maslahat. Hal ini menandakan kemampuan undang-undang syariah di Malaysia untuk bergerak seiring dengan perubahan zaman, menangani cabaran sosial dan ekonomi semasa, serta mengekalkan kesetiaan terhadap prinsip asas fekah pada masa yang sama. Dengan kombinasi antara pendekatan proaktif dengan fleksibiliti hukum, sistem ini berpotensi untuk menjadi model terbaik bagi pengurusan nafkah pascaperceraian dalam konteks masyarakat Islam moden.

KESIMPULAN

Menerusi kajian ini, disimpulkan bahawa inovasi, seperti e-Nafkah, merupakan bentuk reformasi dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia yang memenuhi tuntutan realiti semasa. Walaupun berbeza daripada pendekatan fekah klasik yang lebih bersifat reaktif, langkah pemantauan automatik ini dapat dianggap selaras dengan maqasid syariah kerana memberikan perlindungan terhadap pihak yang lemah, menjaga kelangsungan keturunan dan mengurangkan kemudaratan akibat kecuaihan bekas suami dalam penunaian nafkah. Secara tidak langsung, hal ini memperkuat peranan institusi kehakiman syariah untuk memastikan keadilan sosial dan kesejahteraan masyarakat, sekali gus membuktikan bahawa hukum-hakam Islam mempunyai keluasan untuk disesuaikan dengan konteks zaman dan tempat melalui ijtihad pemerintah. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sistem pemantauan nafkah ini perlu diatur secara fleksibel agar tidak mengabaikan hak individu. Islam menekankan bahawa nafkah ialah hak yang boleh dituntut dan boleh dilepaskan melalui ikrar jika pemiutang bersetuju secara sukarela. Undang-undang yang terlalu kaku dalam pemaksaan pembayaran tanpa mengambil kira keadaan sebenar pihak yang terlibat dapat menimbulkan ketidakadilan. Oleh itu, keseimbangan antara kepentingan umum bagi menjaga kemaslahatan keluarga dengan hak individu yang memilih untuk melepaskan tuntutan nafkah perlu

dititikberatkan. Dengan cara ini, sistem yang dilaksanakan kekal berlandaskan fekah dan maqasid Syariah, serta responsif terhadap realiti sosial dan ekonomi masyarakat.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP) kerana menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur untuk menyelesaikan penulisan makalah ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohd Hazwan Ismail: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penginterpretasian hasil, penulisan makalah, penyediaan makalah dan penyediaan makalah akhir, pengesahan makalah akhir dan penghantaran manuskrip akhir; Mohd Mirza Abdul Rashid: Penginterpretasian hasil dan semakan.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abi al-Hasan ‘Āli ibn Muḥammad ibn Habib Al-Mawardi. (t.t.). *Al-ahkam al-sultaniyyah*. Dar Al-I’tisom.
- Abū Muḥammad ‘Abdullah Aḥmad Muḥammad Qudamah al-Maqdisi. (2013). *Al-mughni* (Jld. 4 dan Jld. 7). Dar ‘Alam al Kutub.
- Abu Suffian Abu Yaziz. (2013). *Penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan metodologi penyelidikan Pengajian Islam*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]. (1984).
- Alauddin Abi Bakri Mas’ud al-Kassani. (2005). *Badai’ al syanai’ fi tartib al sharai’* (Jld. 4). Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Y. (1991). *Al-majmu’ sharh al-muhadhdhab* (Jld. 18). Dar al-Fikr.
- Al-Syatibi Ibrahim Ibn Musa. (1997). *Al-muwafaqat fi usul al-shari’ah* (Jld. 2). Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Gagal bayar nafkah anak: 7 bapa dipenjara dari 2010 hingga 2015. (2016). *Utusan Borneo Online*. <https://www.utusanborneo.com.my/2016/08/14/gagal-bayar-nafkah-anak-7-bapa-dipenjara-dari-2010-hingga-2015>.
- Halimatus Saadiah Kariya. (2015). *Penguatkuasaan perintah pembayaran nafkah anak: Kajian mengenai peranan Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. (2023). *Laporan tahunan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor 2022*. Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.
- Latifah Arifin. (2024). Jangan biar perintah nafkah mahkamah syariah tinggal atas kertas saja. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1205686/jangan-biar-perintah-nafkah-mahkamah-Syariah-tinggal-atas-kertas>
- Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa. (2024). Penolong Pegawai Syariah, Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Seksyen Negeri Pulau Pinang [Temu bual telefon pada 11 Mac 2024, 11.00 pagi].
- Mohd Hazwan Ismail, & Jasni Sulong. (2022). Penguatkuasaan penghakiman sita dan jual: Pelaksanaan dan kekangan di mahkamah syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 7(1), 91–101.
- Mohd Hazwan Ismail, & Syekh Muhd Taufiq A. Rashid. (2024). Pemberhentian pembayaran nafkah anak melalui perintah pembatalan di mahkamah syariah. *Journal of Muwafaqat*, 7(2), 28–40. <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v7i2.178>

- Mohd Hazwan Ismail, & Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa. (2024). Analisis item nafkah selain keperluan asas dalam perintah nafkah. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 34(1), 93–106. <https://ejournal.ukm.my/juum/issue/view/1714>
- Mohd Hazwan Ismail, Nur Sarah Tajul Urus, & Syeikh Muhd Taufiq A. Rashid. (2025). Settlement of arrears of alimony payments through negotiations family support division at the shariah court. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Persons with Disabilities*, 24, 21–26.
- Mohd Hazwan Ismail. (2020). *Penyelesaian konflik tuntutan nafkah anak di mahkamah syariah Pulau Pinang* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Hazwan Ismail. (2023a). Pembekuan akaun bank melalui penghakiman hiwalah di mahkamah syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 8(1), 1–11. <https://doi.org/10.26475/jcil.2023.8.1.01>
- Mohd Hazwan Ismail. (2023b). Perubahan perintah nafkah anak mengikut kepada keperluan semasa: Kajian di negeri-negeri zon utara. *International Journal of for Studies on Children, Women, Elderly and Person with Disabilities*, 18, 29–37.
- Mohd Hazwan Ismail. (2024). *Nafkah tertunggak: Pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang di mahkamah syariah di Malaysia* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Hedhayatullah Mohamad. (2019). *Peran Bahagian Sokongan Keluarga dalam masalah pemenuhan nafkah isteri pasca perceraian* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh.
- Muhammad Yusri Ibrahim. (2013). *Fiqh al-nawazil lil aqliyat lil muslimah (Taksilan wa tatbiqan)* (hlm. 609). Dar Al Yusra.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, & ‘Āli al-Syarbaji. (1994). *Fiqh al-manḥajī fi mazhab lil syafi’e juzuk al-khamis*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Norafidah Assan. (2021). 70 peratus kes cerai di NS punca suami cuai beri nafkah. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/178188/EDISI/70-peratus-kes-cerai-di-NS-punca-suami-cuai-beri-nafkah>
- Nur Zulfah Md Abdul Salam, & Nur Syazwani Mohd Khatib. (2020). Isu tunggakan nafkah: Keperluan penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). *Journal of Muwafaqat*, 3(1), 38–51. <https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal/article/view/16>
- Penyelesaian kes mahkamah syariah perlu diperkasa dengan AI-Sultan Pahang. (2025). *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/714754/edisi/pahang/penyelesaian-kes-mahkamah-Syariah-perlu-diperkasa-dengan-ai---sultan-pahang>
- Rasida lwn Wahid (2019). Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal UPPP: 24/2019.

- Shakira Buang, Ili Aajkih, & Shahrin Aizat Noorsharizam. (2024, 12 Disember). JKSM ambil langkah percepat tuntutan nafkah di mahkamah. *MalaysiaKini*. <https://www.malaysiakini.com/news/728774>
- Siti Uzairiah. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temu bual* (hlm. 38). Aras Publisher.
- Zaid Adhar. (2024). Kerajaan perlu percepat proses tuntutan nafkah anak. *Harakahdaily* <https://harakahdaily.net/2024/12/kerajaan-perlu-percepat-proses-tuntutan-nafkah-anak/>
- Zaini Nasohah. (2025). Potensi dan cabaran perintah komital kerana ingkar perintah nafkah di mahkamah syariah Selangor. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 10(1), 1–9. <https://doi.org/10.26475/jcil.2025.10.1.01>
- Zaini Nasoha, & Suwaid Tapah. (2001). Analisis pelaksanaan prosiding saman penghutang penghakiman dalam penguatkuasaan perintah pembayaran nafkah: Kajian kes mahkamah syariah Negeri Selangor. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 15, 43–52.